

**SULIT**



**UTHM**  
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

**UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA**

**PEPERIKSAAN AKHIR  
SEMESTER I  
SESI 2013/2014**

NAMA KURSUS	:	PENGAJIAN ISLAM
KOD KURSUS	:	UWA10102/UWA10602/UMA1182
PROGRAM	:	1 BBB/BBC/BBE/BDC/BDD/BDM/ BEJ/BEV/BFF/BIM/BIP/BIS/BIT/ BIW/BND/BNE/BNF/BNG/BNK/ BNL/BNM/BPA/BPB/BPC/BPD/ BWA/BWC/BWD/BWQ 2 BBB/BDD/BEJ/BFF/BIS/BIT/ BIW/BWQ 3 BDD/BIT 4 BDD/BEE/BPA
TARIKH PEPERIKSAAN	:	DISEMBER 2013/JANUARI 2014
MASA	:	2 JAM
ARAHAN	:	A) JAWAB SEMUA SOALAN DALAM BORANG OMR YANG DISEDIAKAN. B) DILARANG MEMBAWA KERTAS SOALAN INI KELUAR DARI DEWAN PEPERIKSAAN

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI **DUA PULUH EMPAT (24)** MUKA SURAT

**SULIT**

S1 Berikut pernyataan yang benar mengenai pengertian Islam dari sudut bahasa.

- A Berasal dari *aslama* bermaksud taat
- B Berasal dari perkataan *salmi, sullami dan istaslama*
- C Mengandungi makna *salima* yang bermaksud selamat
- D Mengandungi makna *istaslama* yang bermaksud damai

Soalan 2 dan 3 berdasarkan Jadual 1 adalah berkaitan ciri kesyumulan Islam.

Jadual 1

A	mendidik jiwa manusia
B	lengkap dan menyeluruh
C	dilaksanakan secara beransur-ansur
D	memudahkan dan tidak membebankan

S2 Islam menetapkan bahawa kanak-kanak hendaklah dididik mengenai solat berumur 7 tahun dan apabila berumur 10 tahun mereka hendaklah mendirikan solat dengan sempurna. Sekiranya mereka enggan maka mereka boleh dirotan sebagai satu kaedah mendidik.

S3 Maksud Firman Allah S.W.T: *“Wahai orang-orang yang beriman, diwajibkan atas kamu berpuasa sebagaimana diwajibkan atas orang-orang sebelum kamu agar kamu bertaqwa. Iaitu dalam beberapa hari yang tertentu. Maka barangsiapa di antara kamu yang sakit atau dalam perjalanan (lalu ia berbuka), Maka (wajiblah baginya berpuasa) sebanyak hari yang ditinggalkan itu pada hari-hari lain...”*

Al-Baqarah : 183-184

S4 Berikut adalah pernyataan benar mengenai akidah Islamiyyah.

- I Allah S.W.T sebagai Pencipta, Pemilik, Pentadbir alam
  - II Allah S.W.T Esa dari sudut zat, sifat dan perbuatanNya
  - III Allah S.W.T tempat tumpuan pengibadatan dan permohonan
  - IV Allah S.W.T bersifat dengan 20 sifat wajib, 20 sifat mustahil dan 10 sifat harus
- A I, II dan III
  - B I, III dan IV
  - C II, III dan IV
  - D Semua di atas

Soalan 5 merujuk kepada Pernyataan 1.

Pernyataan 1

*“Siapa yang beriman kepada Allah dan hari akhirat, maka hedaklah ia menghubungkan silaturahmi (kasih sayang persaudaraannya).”*

*(Muttafaq ‘alaih)*

- S5** Maksud hadith menerangkan hubungan antara
- A akhlak dengan akidah
  - B akidah dengan ibadah
  - C akhlak dengan syariah
  - D akidah dengan syariah
- S6** Manakah pernyataan berikut yang menjelaskan bahawa agama Islam bersifat universal?
- A Ajarannya tidak terhad kepada masa tertentu
  - B Bersumberkan wahyu iaitu al-Qur’an dan al-Sunnah
  - C Meliputi seluruh undang-undang dan peraturan hidup manusia
  - D Amat sesuai diamalkan oleh seluruh umat manusia di seluruh dunia
- S7** Berjumpa bomoh untuk mendapatkan pelaris diri dan perniagaan adalah dilarang kerana termasuk dalam perbuatan
- A syirik
  - B nifaq
  - C kufur
  - D murtad
- S8** Berikut adalah perkara yang boleh merosakkan akidah.
- I Menyatakan alam ini terjadi dengan sendiri
  - II Menyatakan malas untuk mendirikan solat lima waktu
  - III Menyatakan jin berkuasa untuk memberi perlindungan
  - IV Menyatakan hukum Allah S.W.T. tidak sesuai digunakan lagi
- A I, II dan III
  - B I, III dan IV
  - C II, III dan IV
  - D Semua di atas

**S9** Berikut adalah jenis-jenis Qiyas **kecuali** Qiyas

- A *Aula*
- B *Uruf*
- C *Adna*
- D *Musawi*

**S10** Berikut adalah sifat-sifat al-Qur'an **kecuali**

- A *al-Nur*
- B *al-Sama'*
- C *al-Huda*
- D *al-Mubin*

**S11** Berikut adalah nama-nama al-Qur'an

- I *al-Zikr*
  - II *al-Tanzil*
  - III *al-Iqamah*
  - IV *al-Rahmah*
- 
- A I dan II
  - B I dan III
  - C II dan IV
  - D III dan IV

**S12** Berikut adalah sumber yang disepakati dalam perundangan Islam.

- I Qiyas
  - II Ijmak
  - III Istihsan
  - IV Istishab
- 
- A I dan II
  - B I dan III
  - C II dan IV
  - D III dan IV

Soalan 13 dan 14 berdasarkan kepada Jadual 2 berkaitan dengan definisi sumber hukum.

Jadual 2

A	<i>Istihsan</i>
B	<i>Istishab</i>
C	<i>Sad al-Zara'ie</i>
D	<i>Masalih al-Mursalah</i>

- S13** Pengekalan hukum yang terdahulu selagi belum terdapat dalil yang mengubah hukum itu.
- S14** Pendekatan untuk menyekat perkara-perkara yang boleh membawa seseorang itu daripada terjebak kepada perkara yang diharamkan dalam Islam.
- S15** Pernyataan berikut menerangkan mengenai al-Qur'an dan al-Hadith sebagai sumber rujukan yang utama **kecuali**
- A al-Qur'an dan al-Hadith mempunyai kebenaran yang mutlak
  - B ajaran al-Qur'an dan al-Hadith sesuai diamalkan sepanjang masa
  - C kandungan al-Qur'an dan al-Hadith merangkumi semua aspek kehidupan
  - D al-Qur'an dan al-Hadith bersifat setempat dan sesuai untuk sesuatu bangsa

Soalan 16 merujuk Pernyataan 2

Pernyataan 2

Shafie membeli barangan runcit di Pasaraya Tesco tanpa melakukan lafaz ijab dan qabul.

- S16** Apakah sumber hukum yang mengharuskan jualbeli ini?
- A *Uruf*
  - B *Istihsan*
  - C *Istishab*
  - D *Sad al-Zara'ie*

**S17** Apakah ilmu yang membicarakan tentang al-Qur'an dari aspek penurunan ayat, bacaan, sejarah, nasikh dan mansukh?

- A *Badi' al-Qur'an*
- B *Ulum al-Qur'an*
- C *Hujaj al-Qur'an*
- D *Gharib al-Qur'an*

**S18** Siapakah yang ditugaskan untuk mengumpulkan wahyu ke dalam satu mashaf?

- A Zaid bin Thabit
- B Khalifah Abu Bakar
- C Abdullah bin Zubair
- D Abu Aswad al-Duwali

**S19** Apakah ilmu yang membicarakan mengenai sumpah dalam ulum al-Qur'an?

- A *Asbab al-Nuzul*
- B *Gharib al-Qur'an*
- C *Aqsam al-Qur'an*
- D *Nasikh dan Mansukh*

Soalan 20 merujuk kepada Pernyataan 3.

Pernyataan 3

ذَلِكَ الْكِتَابُ لَا رَيْبَ فِيهِ هُدًى لِّلْمُتَّقِينَ

Al-Baqarah : 2

**S20** Sifat al-Qur'an dalam dalam ayat di atas adalah kitab yang

- A memberi panduan hidup
- B bercanggah dengan konsep trinita
- C membezakan antara yang hak dan batil
- D diturunkan kepada nabi Muhammad S.A.W

Soalan 21 merujuk kepada situasi dalam Pernyataan 4.

Pernyataan 4

Kesilapan membaca al-Quran sering berlaku dalam kalangan imam yang tidak mahu mendalami ilmu-ilmu kemahiran membaca al-Quran.

- S21** Berdasarkan situasi di atas apakah tindakan yang paling sesuai dilakukan terhadap imam dari kacamata ulum al-Qur'an.
- A Meningkatkan kemahiran dalam Ulum al-Falak
  - B Meningkatkan kemahiran dalam Ulum al-Faraid
  - C Meningkatkan kemahiran dalam Ulum al-Qur'an
  - D Meningkatkan kemahiran dalam Ulum al-Hadith
- S22** Berikut adalah keterangan yang tepat mengenai kedudukan sahabat dalam memahami ayat-ayat al-Qur'an **kecuali**
- I Rasulullah S.A.W. melarang sahabat memberi fatwa kerana menunggu ayat al-Qur'an turun kepada mereka
  - II Rasulullah S.A.W. dijadikan rujukan utama dalam menyelesaikan masalah pemahaman ayat-ayat al-Qur'an
  - III Rasulullah S.A.W. tidak memberi peluang kepada sahabatnya untuk berijtihad bagi memahami kehendak wahyu
  - IV Generasi sahabat sangat faham dengan al-Qur'an sehingga tidak memerlukan ilmu-ilmu sokongan untuk memahami kehendak wahyu
- A I, II dan III
  - B I, III dan IV
  - C II, III dan IV
  - D Semua di atas
- S23** Apakah bentuk penerimaan hadith yang diterima melalui pendengaran secara langsung dari gurunya?
- A *al-Sama`*
  - B *al-Ijazah*
  - C *al-Qira`ah*
  - D *al-Munawalah*

- S24** Antara sebab-sebab larangan penulisan hadith pada zaman Rasulullah S.A.W. adalah
- I terdapat larangan tegas dari Rasulullah S.A.W.
  - II para sahabat masih mementingkan al-Qur'an daripada hadith
  - III belum ada kebimbangan akan berlaku kehilangan hadith-hadith
  - IV kebimbangan akan berlaku percampuran antara al-Qur'an dan hadith
- A I, II dan III
  - B I, II dan IV
  - C I, III dan IV
  - D Semua di atas
- S25** Perkataan ahli dalam frasa Ahli Sunnah Wal Jamaah menurut bahasa memberi maksud orang yang
- A mempunyai tahap kepakaran
  - B mengikut landasan yang benar
  - C menjadi ahli dalam satu kumpulan
  - D mahir dalam selok belok sesuatu bidang
- S26** Sepanjang akhir abad pertama dan awal abad ke dua hijrah telah wujud satu kumpulan umat Islam yang giat memahami al-Qur'an dan al-Sunnah. Kumpulan ini dipimpin oleh
- A Imam Hasan al- Basri
  - B Imam Ahmad bin Hanbal
  - C Imam Abu Hassan al-Asy'ari
  - D Imam Abu Mansur al-Maturidi
- S27** Mengapakah gelaran Ahli Sunnah Wal Jamaah tidak digunakan semasa zaman para sahabat?
- A Gelaran 'sahabat' lebih mulia dan tinggi kedudukannya
  - B Para sahabat tidak tergolong dalam Ahli Sunnah Wal Jamaah
  - C Golongan Ahli Sunnah Wal Jamaah belum wujud di zaman para sahabat
  - D Para sahabat tidak sesuai menggunakan gelaran Ahli Sunnah Wal Jamaah



**S28** Siapakah golongan salaf?

- A Golongan terdahulu yang tidak mendahulukan akal dari al-Qur'an dan al-Sunnah
- B Golongan terdahulu yang lebih sederhana dan terbuka berbanding golongan khalaf
- C Golongan terkemudian yang tidak mendahulukan akal dari al-Qur'an dan al-Sunnah
- D Golongan terkemudian yang lebih sederhana dan terbuka berbanding golongan khalaf

**S29** Berikut antara sebab istilah Ahli Sunnah Wal Jamaah digunakan secara meluas **kecuali**

- A membezakan kelompok umat Islam yang mengamalkan Islam dengan golongan bidaah yang sesat
- B membezakan kelompok umat Islam dengan beberapa mazhab atau aliran akidah yang bercanggah daripada Islam
- C membezakan kelompok umat Islam dari golongan Muktazilah yang mendahului akal dari dalil al-Qur'an dan al-Hadith
- D membezakan kelompok umat Islam dari golongan orang bukan Islam yang mengemukakan hujjah menolak Allah sebagai Tuhan

**S30** Apakah pegangan golongan salaf dalam mentafsir ayat-ayat *mutasyabihat*?

- A menggunakan kaedah *ta'wil* iaitu menyatakan hanya Allah S.W.T yang mengetahui maksudnya tanpa memberi makna *majazi* atau hakiki
- B menggunakan kaedah *tafwidh* iaitu menyatakan hanya Allah S.W.T yang mengetahui maksudnya tanpa memberi makna *majazi* atau hakiki
- C menggunakan kaedah *tafwidh* iaitu tidak memberi makna ayat secara literal tetapi memindahkan makna kepada kalimah bahasa Arab yang memiliki makna *majazi*
- D menggunakan kaedah *ta'wil* iaitu tidak memberi makna ayat secara literal tetapi memindahkan makna kepada kalimah bahasa Arab yang memiliki makna *majazi*

Soalan 31 dan 32 merujuk kepada Pernyataan 5.


Pernyataan 5

Jebat merupakan rakan sebilik anda di Kolej Kediaman. Sepanjang anda bersama, anda tidak pernah melihat Jebat mendirikan solat.

- S31** Apakah tindakan yang sesuai anda lakukan sebagai seorang yang patuh kepada ciri akhlak Ahli Sunah Wal Jamaah?
- A Anda berkomunikasi dengan baik dan membiarkan Jebat dengan cara hidupnya
  - B Menjaga hubungan baik dengan Jebat dan menunaikan solat di bilik untuk memberi keinsafan kepadanya
  - C Mengingatkan Jebat mengenai kewajipan seorang Islam dan mengajak dia ke masjid untuk solat berjamaah
  - D Memutuskan untuk tidak berhubung dengan Jebat dan berusaha untuk berpindah ke bilik yang lain agar anda tidak menanggung dosa
- S32** Pilih ciri akhlak Ahli Sunnah Wal Jamaah yang bertepatan dengan tindakan anda.
- A Mengajak kepada jemaah muslimin
  - B Melakukan *amar ma'ruf* dan *nahi munkar*
  - C Menggelakkan perdebatan dengan ahli bidaah
  - D Menjadikan akhlak Rasulullah S.A.W sebagai ikutan
- S33** Pilih pernyataan yang betul mengenai pengertian ajaran sesat.
- A Ajaran atau amalan yang dibawa oleh orang Islam atau bukan Islam dengan mendakwa ajaran dan amalan tersebut bukan ajaran Islam dan ia bertentangan dengan akidah dan syariat Islamiyyah
  - B Ajaran atau amalan yang dibawa oleh orang Islam atau bukan Islam dengan mendakwa ajaran dan amalan tersebut berdasarkan kepada ajaran Islam sedangkan ia bertentangan dengan akidah dan syariat Islamiyyah
  - C Ajaran atau amalan yang dibawa oleh orang Islam atau bukan Islam dengan mendakwa ajaran dan amalan tersebut merupakan ajaran agama lain dan ia terkeluar dari akidah dan syariat Islamiyyah
  - D Ajaran atau amalan yang dibawa oleh orang Islam atau bukan Islam dengan mendakwa ajaran dan amalan tersebut tidak berdasarkan kepada ajaran Islam sedangkan ia tidak bertentangan dengan akidah dan syariat Islamiyyah

Soalan 34 merujuk kepada Pernyataan 6.

**S34** Sesuaikan aliran pemikiran X,Y dan Z dengan faktor kemunculannya.



- A Perbincangan akidah, Pertelingkahan politik, Penyelewengan agama lain
- B Pertelingkahan politik, Perbincangan akidah, Penyelewengan agama lain
- C Penyelewengan agama lain, Pertelingkahan politik, Perbincangan akidah
- D Perbincangan akidah, Penyelewengan agama lain, Pertelingkahan politik

**S35** Aliran pemikiran yang menyamakan Allah S.W.T. dengan makhluk ialah

- A Syiah
- B Muktaizilah
- C Mujassimah
- D Mushabbihah

Soalan 36, 37 dan 38 merujuk kepada Pernyataan 7.

Pernyataan 7

Golongan ini tidak bersetuju dengan Majlis Tahkim yang diadakan bagi mencapai perdamaian antara penyokong Saidina Ali dan Muawiyah

**S36** Siapakah golongan tersebut?

- A Syiah
- B Wahabi
- C Khawarij
- D Muktaizilah

- S37** Apakah tindakan yang diambil oleh mereka?
- A keluar dan memisahkan diri dari kaum muslimin dan melantik Wasil bin 'Ata sebagai ketua
  - B melantik khalifah yang baru dan mengajak perdamaian antara penyokong Saidina Ali dan Muawiyah
  - C melantik khalifah yang baru dan mengistiharkan peperangan dengan penyokong Saidina Ali dan Muawiyah
  - D keluar dan memisahkan diri dari kaum muslimin dan melantik Abdullah bin Wahab al-Rasyidi sebagai ketua
- S38** Apakah antara penyelewengan akidah yang diyakini oleh mereka?
- A Orang mukmin yang membuat dosa besar menjadi kafir dan akan kekal dalam neraka
  - B Menetapkan bahawa empat orang khalifah al-Rasyidin adalah kafir dan tidak layak menjadi khalifah
  - C Orang yang mempunyai pendapat atau mengamalkan perbuatan yang menyalahi al-Qur'an adalah musyrik
  - D Menafikan takdir Allah S.W.T dengan menegaskan segala perbuatan manusia adalah di atas kehendak manusia sendiri
- S39** Mengapakah nikah mut'ah bertentangan dengan amalan dalam mazhab fiqh yang berpegang dengan akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah?
- A Pernikahan tersebut dilakukan diluar negara dan tidak mendapat kebenaran dari wali
  - B Pernikahan tersebut hanya memerlukan saksi dan tidak perlu mendapatkan persetujuan wali
  - C Pernikahan tersebut merupakan nikah batin yang disaksikan oleh malaikat dan tidak memerlukan wali
  - D Pernikahan tersebut tidak memerlukan saksi, wali serta pengistiharan dan telah diharamkan oleh Rasulullah S.A.W.
- S40** Siapakah golongan yang masih mengamalkan nikah mut'ah?
- A Syiah
  - B Rufaqa'
  - C Qadiyani
  - D Darul Arqam

**S41** Apakah mazhab fiqh muktabar yang termasuk dalam golongan Ahli Sunnah Wal Jamaah?

- A Zaidi, Jaafari, Sunni dan Syafie
- B Maliki, Zaidi, Syafie dan Hanbali
- C Syafie, Hanbali, Hanafi dan Maliki
- D Hanafi, Syafie, Hanbali dan Ismaili

**S42** Sumber-sumber hukum fiqh yang disepakati oleh ulama adalah

- A al-Qur'an, sunnah, ijmak dan qiyas
- B al-Qur'an, hadis, al-ra'y dan istihsan
- C al-Qiyas, ijmak, sunnah dan masalahah
- D al-Qur'an, sunnah, qaul sahabi dan qiyas

**S43** Hukum-hukum fiqh yang dipetik daripada al-Qur'an dan al-Sunnah dianalisis dan dirumus melalui satu proses penyelidikan (istinbat) hukum. Proses di atas dikenali sebagai

- A Usul Fiqh
- B Fiqh Sunnah
- C Fiqh Muqaran
- D Qawaid Fiqhiyyah

Soalan 44 dan 45 merujuk kepada Pernyataan 8.

Pernyataan 8

Beliau telah berguru dengan dua orang guru fiqh muktabar yang masing-masing mengikut fuqaha al-Hadith dan al-Ra'y menjadikan beliau menguasai kedua-dua bidang tersebut.

**S44** Siapakah tokoh yang dimaksudkan?

- A Imam Syafie
- B Imam Malik
- C Imam Ahmad
- D Imam Abu Hanifah

**S45** Siapakah dua orang guru fiqh muktabar tersebut?

- A Imam Syafie dan Imam Malik
- B Imam Malik dan Imam Ahmad
- C Imam Malik dan Imam Abu Hanifah
- D Imam Abu Hanifah dan Imam Ahmad

**S46** Apakah faktor yang mempengaruhi kelahiran dan perkembangan ijtihad di zaman Tabiin dan Tabi' Tabiin?

- I Islam berkembang lebih luas di luar kota Madinah
  - II Berlaku pertembungan pemikiran antara agama dan budaya
  - III Al-Qur'an telah dikumpul dan ditulis semula dalam satu mushaf
  - IV Ramai penghafaz al-Qur'an telah meninggal dunia dalam peperangan Yamamah
- A I dan II
  - B I dan III
  - C II dan IV
  - D III dan IV

Soalan 47 dan 48 merujuk kepada Pernyataan 9.

Pernyataan 9

Ketika melakukan ibadah tawaf di Baitullah, Abdel Karim dan isterinya berpegangan tangan dan mereka berada dalam keadaan berwuduk.

**S47** Apakah hukum ibadah tawaf tersebut?

- I Sah berdasarkan mazhab Hanafi yang menyatakan bersentuh kulit antara lelaki dan perempuan yang halal nikah tidak membatalkan wuduk
  - II Tidak sah berdasarkan mazhab Syafie yang menyatakan bersentuh kulit antara lelaki dan perempuan yang halal nikah membatalkan wuduk
  - III Tidak sah berdasarkan mazhab Hanbali yang menyatakan tidak boleh berlaku percampuran antara lelaki dan perempuan semasa menjalankan ibadah tawaf
  - IV Sah berdasarkan mazhab Maliki yang menyatakan wuduk bukan syarat sah tawaf walaupun wuduknya telah batal disebabkan berlaku sentuhan kulit antara lelaki dan perempuan yang halal nikah
- A I dan II
  - B I dan III
  - C II dan IV
  - D III dan IV

**S48** Apakah faktor yang menyebabkan berlaku perbezaan pandangan mazhab dalam menetapkan hukum batal wuduk disebabkan bersentuhan kulit lelaki dan perempuan?

- A Perbezaan kepakaran ulama dalam bidang tertentu
- B Perbezaan pengalaman yang dilalui oleh seseorang ulama
- C Perbezaan dalam memahami dan mentafsir ayat al-Qur'an
- D Perbezaan dalam memahami dan mentafsir hadith Rasulullah S.A.W

**S49** Prinsip muamalat Islam mestilah berasaskan kepada

- I Keimanan dan ketakwaan kepada Allah S.W.T
  - II Bertujuan untuk mengaut keuntungan semata-mata
  - III Sentiasa menerapkan sifat-sifat mulia dalam mencari harta kekayaan
  - IV Harta yang diperolehi boleh digunakan untuk perkara yang halal dan haram
- A I dan II
  - B I dan III
  - C II dan IV
  - D III dan IV

**S50** Apakah pengertian *Wadi'ah* dari sudut istilah?

- A memberikan kuasa kepada orang lain untuk menjaga harta
- B meletakkan sesuatu harta kepada orang lain dengan tujuan perniagaan
- C membuat penebusan hasil keuntungan daripada sesuatu transaksi jualbeli
- D memberikan hak penjagaan harta kepada orang lain bagi mendapatkan keuntungan

Soalan 51 dan 52 berdasarkan Jadual 3 adalah berkaitan dengan definisi dalam sistem muamalat Islam..

Jadual 3

A	<i>Takaful</i>
B	<i>al-Qard</i>
C	<i>Murabahah</i>
D	<i>Mudharabah</i>

- S51** Akad kerjasama antara pemilik dana dengan pengusaha untuk melakukan suatu usaha bersama. Keuntungan yang diperolehi akan dibahagi antara keduanya dengan perbandingan nisbah yang disepakati sebelumnya.
- S52** Pertukaran atau perpindahan hak milik sesuatu aset atau wang dari pemilik asal kepada pihak lain dengan syarat pihak lain itu wajib memulangkan aset atau wang yang dipinjam tersebut atau yang sama nilainya pada kemudian hari.
- S53** Apakah konsep muamalat dalam Islam?
- A Peraturan yang menghubungkan manusia dengan harta  
 B Tatacara perhubungan antara manusia dengan Allah S.W.T.  
 C Tatacara bagi memenuhi keperluan manusia di atas persetujuan bersama  
 D Peraturan bagi memenuhi keperluan manusia berlandaskan syariat Allah S.W.T.

Soalan 54 berdasarkan Pernyataan 10.

Pernyataan 10

Penangguhan penyerahan barang yang telah dibayar oleh pembeli mengikut syarat-syarat yang tertentu.

- S54** Apakah istilah jual beli di atas?
- A *Bai' al-'Inah*  
 B *Bai' al-Wafa'*  
 C *Bai' al-Takjir*  
 D *Bai' al-Salam*



**S55** Antara hikmah-hikmah pensyariatian *al-Qard* dalam Islam adalah

- I dapat menghapuskan kezaliman yang berlaku dengan menolak riba
  - II dapat mengurangkan dengan pantas beban mereka yang dalam kesusahan
  - III amalan tolong menolong dapat menguatkan ukhuwwah di antara umat Islam
  - IV Allah S.W.T sangat menggalakkan tolong menolong di antara samu sama lain dalam melakukan kebaikan
- A I, II dan III
  - B I, II dan IV
  - C I, III dan IV
  - D Semua di atas

Soalan 56 merujuk kepada Pernyataan 11.

Pernyataan 11

Encik Sulaiman dan Encik Yusof telah membuat akad perkongsian bersama bagi mengusahakan sebuah kedai dobi dengan perjanjian keuntungan dan kerugian akan ditanggung bersama.

**S56** Apakah nama akad jualbeli di atas?

- A *Ijarah*
- B *Wakalah*
- C *Al-Qard*
- D *Mudharabah*

**S57** Apakah maksud maqasid al-syariah?

- A Dasar yang diperlukan manusia bagi menambah keselesaan dalam kehidupan
- B Dasar yang diperlukan oleh setiap manusia untuk memenuhi tuntutan agama dan kehidupan dunia
- C Dasar yang diperlukan manusia untuk memberi keselesaan dan menolak kesulitan dalam melakukan ibadah dan kehidupan.
- D Dasar yang ditetapkan Islam dalam memelihara kesucian agama, menjamin kemuliaan, keharmonian dan kesejahteraan hidup manusia

- S58** Apakah syarat yang mengugurkan seseorang peminum arak daripada dikenakan hukuman hudud?
- A Tiada saksi
  - B Tahu haram
  - C Tidak darurat
  - D Bukan dipaksa
- S59** Pembahagian kesalahan takzir adalah seperti berikut **kecuali**
- A melakukan kesalahan kecil
  - B melakukan perbuatan jenayah
  - C melakukan perbuatan maksiat
  - D merosakkan kepentingan awam
- S60** Berikut adalah hukuman bagi kesalahan membunuh dan merompak.
- A Balas bunuh dan disula
  - B Balas bunuh dan disalib
  - C Balas bunuh dan disebat
  - D Balas bunuh dan direjam

Soalan 61 merujuk kepada Pernyataan 12.

Pernyataan 12

وَالَّذِينَ يَرْمُونَ الْمُحْصَنَاتِ ثُمَّ لَمْ يَأْتُوا بِأَرْبَعَةِ شُهَدَاءَ فَاجْلِدُوهُمْ ثَمَانِينَ  
جَلْدَةً وَلَا تَقْبَلُوا لَهُمْ شَهَادَةً أَبَدًا وَأُولَئِكَ هُمُ الْفَاسِقُونَ ﴿٤﴾

Al-Nur: 4

**S61** Apakah maksud ayat al-Qur'an di atas?

- A Dan orang-orang yang menuduh zina kepada perempuan perempuan yang terpelihara kehormatannya kemudian mereka membawakan 4 orang saksi, maka sebatlah mereka 80 kali sebat.
- B Dan orang-orang yang melakukan zina kepada perempuan perempuan yang terpelihara kehormatannya kemudian mereka membawakan 4 orang saksi, maka sebatlah mereka 80 kali sebat.
- C Dan orang-orang yang melakukan perzinaan kepada perempuan perempuan yang terpelihara kehormatannya kemudian mereka tidak membawakan 4 orang saksi, maka sebatlah mereka 80 kali sebat, dan janganlah kamu menerima persaksian mereka itu selama-lamanya kerana mereka adalah orang-orang yang fasik.
- D Dan orang-orang yang melemparkan tuduhan (zina) kepada perempuan perempuan yang terpelihara kehormatannya kemudian mereka tidak membawakan 4 orang saksi, maka sebatlah mereka 80 kali sebat, dan janganlah kamu menerima persaksian mereka itu selama-lamanya kerana mereka adalah orang-orang yang fasik.

Soalan 62, 63 dan 64 berdasarkan Pernyataan 13.

Pernyataan 13

Encik Ali telah tertembak Encik Abu kerana disangkakan pelanduk. Encik Abu telah meninggal dunia.

**S62** Apakah jenis kesalahan yang telah dilakukan?

- A Membunuh tidak sengaja
- B Membunuh dengan sengaja
- C Membunuh menyerupai sengaja
- D Membunuh menyerupai tidak sengaja

**S63** Apakah hukuman yang dikenakan ke atas pesalah?

- A Diyat
- B Sebat
- C Bunuh
- D Penjara

**S64** Apakah perkara *dharuriyyat* yang dipelihara dalam kes di atas?

- A Akal
- B Nyawa
- C Agama
- D Keturunan

**S65** Ibadah dari sudut bahasa bermaksud

- A jalan yang lurus
- B peraturan dan perundangan
- C tunduk, patuh, merendahkan diri dan taat
- D tidak tercela atau tidak cacat zahir dan batin

- S66** Berikut merupakan pengertian yang menerangkan maksud etika **kecuali**
- A ilmu yang dapat mengatur pergaulan sesama manusia
  - B ilmu yang dapat menjelaskan sesuatu perkara yang baik dan buruk
  - C ilmu mengenai matlamat terakhir dari seluruh usaha yang dilakukan oleh manusia
  - D ilmu mengenai keupayaan diri untuk melaksanakan semua amanah yang dipertanggungjawabkan

Soalan 67 berdasarkan Pernyataan 14.

Pernyataan 14

وَمَا خَلَقْتُ الْجِنَّ وَالْإِنْسَ إِلَّا لِيَعْبُدُونِ

Al-Zariat : 56

- S67** Apakah penjelasan ayat di atas?
- A Manusia dan jin wajib bekerja semata-mata
  - B Manusia dan jin diciptakan untuk beribadah
  - C Allah S.W.T. hanya menciptakan jin dan manusia sahaja
  - D Jin diciptakan tanpa tujuan manakala manusia untuk beribadah
- S68** Apakah yang dimaksudkan dengan bekerja penuh kesungguhan untuk mengabdikan diri kepada Allah S.W.T.?
- A Bekerja dengan penuh keyakinan dan istiqamah
  - B Bekerja bersungguh-sungguh walaupun tidak mendapat pujian
  - C Bekerja bersungguh-sungguh dengan mengikut segala suruhan Allah S.W.T.
  - D Bekerja dengan penuh keazaman untuk menyumbangkan idea kepada masyarakat
- S69** Harta yang didermakan hasil daripada perjudian tidak dikira sebagai ibadah kerana
- A menjatuhkan maruah manusia
  - B menipu dalam melakukan kebajikan
  - C mencampuradukkan dengan yang haram
  - D aktiviti perjudian tersebut dijalankan secara haram

Soalan 70 dan 71 berdasarkan Pernyataan 15.

Pernyataan 15

Sesuatu perkara atau berita yang disampaikan mestilah benar dan mempunyai sumber yang kukuh.

- S70** Etika di atas mempunyai hubungan yang amat rapat dengan bidang pekerjaan seorang
- A doktor
  - B jurutera
  - C akauntan
  - D wartawan
- S71** Etika di atas seharusnya digariskan dalam etika
- A individu
  - B organisasi
  - C profesyen
  - D masyarakat
- S72** Apakah gambaran akauntabiliti dalam pengurusan kewangan dalam sesebuah organisasi?
- A perbelanjaan dibuat berdasarkan kedudukan kewangan organisasi
  - B perbelanjaan dibuat berasaskan perubahan perancangan organisasi
  - C perbelanjaan dilaksanakan mengikut peraturan, prosedur dan arahan
  - D perbelanjaan dilaksanakan mengikut kehendak dan keperluan semasa
- S73** Apakah yang dimaksudkan dengan perkahwinan dalam Islam?
- A Perhubungan yang mengharuskan antara lelaki dan perempuan
  - B Perhubungan yang menghalalkan persetubuhan antara lelaki dan perempuan
  - C Suatu akad yang mengharuskan perhubungan antara lelaki dan perempuan yang halal dikahwini dengan lafaz nikah
  - D Suatu akad yang mengharuskan perhubungan antara lelaki dan perempuan yang haram dikahwini dengan lafaz nikah

- S74** Berikut adalah perkara yang wajib ditunaikan oleh seorang suami **kecuali**
- A pakaian
  - B kenderaan
  - C keperluan harian
  - D rumah dan isi kelengkapan rumah
- S75** Apakah kewajipan yang gugur ke atas seorang suami apabila isterinya melakukan nusyuz?
- A Memberi mutaah
  - B Memberi nafkah dan giliran
  - C Membahagikan harta sepencarian
  - D Memberi didikan kepada anak-anak
- S76** Siapakah yang berhak mendapat hak hadanah bagi kanak-kanak lelaki yang belum mumaiyiz apabila berlaku perceraian?
- A Ibu kandung
  - B Bapa kandung
  - C Ibu saudara sebelah ibu
  - D Bapa saudara sebelah bapa
- S77** Berikut adalah sebab-sebab yang mengharuskan isteri menuntut fasakh.
- I Suami hilang
  - II Suami jatuh muflis
  - III Suami ditahan dalam penjara
  - IV Suami berpenyakit berjangkit
- A I, II dan III
  - B I, III dan IV
  - C II, III dan IV
  - D Semua di atas

Soalan 78, 79 dan 80 berdasarkan Jadual 4 berkaitan dengan hukum dalam isu kekeluargaan.

Jadual 4

A	Wajib
B	Sunat
C	Haram
D	Makruh

- S78** Setelah berlaku pergaduhan antara suami isteri, maka isteri telah bertindak keluar rumah seorang diri meninggalkan suami dan tiga orang anaknya yang masih kecil tanpa keizinan suaminya.
- S79** Di sepanjang tempoh peninggalan isteri tersebut, suami terpaksa menyediakan segala keperluan termasuk urusan makanan dan minuman kepada tiga orang anaknya.
- S80** Tanpa pengetahuan suami, isteri telah bertindak balik seorang diri ke rumah ibubapanya dengan alasan untuk menenangkan fikiran disebabkan masalah rumahtangga yang dihadapinya.

**-SOALAN TAMAT-**